

Bentuk Budaya Asing dalam Majalah dan Komik Remaja di Pasaran Tempatan

Roosfa Hashim

ABSTRAK

Majalah dan komik adalah dua media kesukaan remaja. Bahkan, majalah dan komik remaja adalah pecahan besar dalam pasaran majalah dan komik di negara ini, berbanding majalah wanita dan hiburan. Makalah ini ditulis dengan tujuan mengenal pasti bentuk-bentuk pengaruh budaya asing dalam majalah dan komik remaja dalam negara ini. Kajian dilakukan dengan membuat analisis kandungan ke atas beberapa majalah dan komik dalam pasaran. Kajian menjurus pada bentuk bahasa, nilai, gaya dan amalan hidup asing yang terbit dalam majalah dan komik remaja. Analisis juga tertumpu pada bentuk rencana yang dipaparkan, dialog yang digunakan, bahasa dan pemilihan kata, watak, imej, isyarat serta simbol-simbol yang dipaparkan. Kajian ini mendapati terdapat kebanyakan majalah dan komik remaja di negara ini menyiratkan pelbagai bentuk unsur asing.

Kata kunci: Cara hidup, bahasa, nilai, imej, simbol asing.

ABSTRACT

Magazines and comics are two teenager's favorite medias in Malaysia. In fact, teen magazines and comics consumed the largest fraction of magazines and comics space as compared to women and entertainment magazines. However, it seems there are a lot of foreign cultural influences in those magazines and comics. This study analyzes the content of those magazines and comics in the market. It focuses on the language, values, styles and way of life arising in those magazines and comics. The analysis also focuses on the presentation of articles, dialog usage, and the choice of words as well as characters, images, signs and symbols. This study found that there are many teen's magazines and comics in this country which have aborted various foreign elements.

Keywords: foreign way of life, language, values, images, symbols.

Pendahuluan

Majalah dan komik adalah media yang disukai pembaca berbahasa Melayu. Oleh yang demikian, media ini tumbuh pada awal abad lalu dan jumlahnya sentiasa bertambah. Banyak sekali kajian yang telah dilakukan ke atas pertumbuhan majalah-majalah berbahasa Melayu meliputi sejarah perkembangannya, analisis kandungan dan sebagainya. Kajian paling mutakhir oleh Hamedi (2002) telah mengupas perkembangan majalah Melayu di negara ini dan menyenaraikan hampir kesemuanya. Dapatlah dikatakan bahawa kajian beliau telah melengkapkan senarai terdahulu yang telah dihuraikan oleh A.M. Iskandar (1973), Ahmat Adam (1992), Md. Sidin (1998), Mohd. Sarim (1988), Nik Ahmad (1963), Proudfoot (1981), dan Roff (1972). Walau bagaimanapun, selepas sepuluh tahun sejak kajian Hamedi itu semakin banyak majalah muncul dalam pasaran sungguhpun masyarakat kini mempunyai banyak alternatif dalam media baru di Internet.

Dalam kajiannya, Hamedi (2002) merakamkan pertumbuhan majalah Melayu di negara ini dengan sejumlah 122 majalah terbit sebelum perang. Pada dekad pertama abad ke-20 telah terbit 3 judul majalah Melayu, dan bertambah kepada 7 judul pada 1910-an, 28 judul pada dekad 1920-an, 72 judul pada 1930-an dan tambahan 12 judul pada dekad 1940-an. Majalah remaja dan kanak-kanak bukanlah pecahan besar dalam majalah-majalah yang terbit sebelum perang. Majoriti majalah yang terbit ketika itu adalah majalah pengetahuan umum (32 judul atau 26.2%), agama (24 judul atau 19.7%), organisasi (21 judul atau 17.3%), kesusasteraan (18 judul atau 14.7%), kebangsaan (10 judul atau 8.2%), diayah (4 judul atau 3.3%), dan lain-lain (13 judul atau 10.6%).

Bahan bacaan remaja dan kanak-kanak telah mula diterbitkan sejak akhbar dan majalah muncul di negara ini. Pada asalnya bahan-bahan untuk golongan muda ini muncul dalam bentuk ruangan-ruangan tetap dalam majalah umum dan dewasa, iaitu sebelum terbitnya majalah khusus untuk remaja dan kanak-kanak.

Banyak tafsiran dan pentakrifan yang berbeza tentang maksud 'remaja' telah dikemukakan oleh para ulama, tokoh pendidikan, ahli psikologi dan pakar sains sosial dan kemanusiaan. Berdasarkan pelbagai takrifan yang banyak itu, bagi melengkapkan kajian ini, penulis dapat menyimpulkan bahawa remaja adalah golongan muda yang sudah mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin, sudah timbul rasa cinta berahi dan bolehlah dianggap golongan yang bukan kanak-kanak lagi. Dengan kata lain, remaja adalah golongan muda yang memisahkan antara kanak-kanak dan orang dewasa.

Sungguhpun demikian, batasan usia antara kanak-kanak dan remaja sering tidak digariskan dengan jelas oleh penerbit majalah sejak dulu hingga kini. Penerbit majalah lebih mengutamakan jumlah pembaca yang sebesar mungkin supaya dapat meningkatkan edaran majalah masing-masing. Oleh yang demikian, pembaca majalah remaja dan kanak-kanak sering kali saling bertindihan. Maka, untuk kajian ini, kedua-dua majalah yang diterbitkan untuk bacaan remaja dan kanak-kanak digunakan pada tempat-tempat tertentu. Dalam kajian ini, majalah remaja adalah terbitan berkala atau terbitan bersiri yang mengandungi makalah atau rencana, karya fiksiyen berupa cerita pendek atau komik bersiri, dihiasi gambar foto atau sebarang bentuk ilustrasi dan ditujukan kepada pembaca remaja.

Majalah dan Komik Remaja dan Kanak-kanak Sebelum Merdeka

Antara majalah yang awal terbit di negara ini dan ditujukan kepada pembaca kanak-kanak dan remaja ialah *Panduan* (Madrasah al-Idrisiah, 1934 – ?), *Majalah Pemuda* (Mohd Adnan Ariffin, 1935 – ?), *Shorga Dunia* (Royal Publishing, Mac 1936 – September 1936), *Pemuda* (April 1946 – 1946), *Belia* (April 1946 – 1946), *Taman Kita* (Malayan-Indonesian Book and Magazine Store, 15 April 1947 – 1947), *Putri Melayu* (Yahya Arif, 1947-November 1947), *Pelajaran* (Yahya Ariff, September 1947 – 1947), *Panduan Murid* (Kesatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai, 1 November 1947 – Disember 1951), *Berita Sekolah* (Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan, Januari 1948 – 1948), *Taman Kanak-kanak* (Penang Publishing Bureau, Disember 1949 - 1952), *Penuntut* (GPMS, April 1950 – April 1951), *Kesedaran* (Tenaga Pemuda Kuching, Mac 1952 – 1952), *Suluh* (Badan Persuratan dan Jawatankuasa Ibu Bapa, Sekolah Melayu Gemereh, Segamat, Johor, April 1952 – 1952), *Majalah Comic Melayu* (Sabirin Haji Mohd Ani, Mei 1952 – Disember 1953), *Tunas* (Army, 1 Ogos 1952 – Ogos 1954), *Hiboran Kanak-kanak* (Jawatankuasa Hiboran Kanak-kanak, Oktober 1952 – Disember 1956), *Majlis Kanak-kanak* (November 1952 – 1953), *Mujalah Murid* (Warta Negara Press, Disember 1952 – 1954), *Kanak-kanak* (Abdul Hamid Al-Edrus, April 1953 – Disember 1953), *Chermin Pengetahuan* (Chermin Pengetahuan, Oktober 1953 – ?), *Pedoman Kanak-kanak* (Mohd. Nor Ahmad, Jun 1954 – April 1956), *Rumaja* (S.O.A. Alsagoff, November 1954 – September 1956), *Siswa* (Pustaka Anbor, 1955 – 1955), *Sinaran Penuntut* (Kesatuan Persuratan Penuntut-penuntut Melayu, 1955 – 1955), *Album Asmara* (Syed Omar Alsagof, 1955 – 1959), *Belia* (R.M. Yusof

Ahmad, April 1955 – Februari 1956), *Pelajar* (GPMS, September 1955 – Mei 1956), *Dunia Remaja* (Raja Mohd Yusoff Ahmad, Januari 1956 – April 1957) dan *Pelajar* (GPMS, Mac 1957 – 1962).

Suatu hakikat yang amat jelas terpancar daripada senarai judul majalah-majalah yang terbit sebelum merdeka itu ialah penerbit ketika itu mengutamakan kalimat tempatan iaitu, perkataan bahasa Melayu yang jelas maksudnya untuk digunakan sebagai judul majalah masing-masing. Kita sama sekali tidak bertemu dengan nama majalah yang menggunakan perkataan dari bahasa asing. Unsur asing sama sekali tidak muncul pada judul majalah remaja dan kanak-kanak berbahasa Melayu ketika itu.

Dari segi kandungan, penerbit juga sering tegas dengan pendirian mereka bagi menegakkan idealisme dan dasar editorial yang mementingkan kemajuan ilmu fikiran dan menolak perkara yang melanggar batas susila dan kesopanan. *Majalah Pemuda* misalnya menegaskan bahawa majalah itu “beracukan kepada pelajaran, kemajuan, pergaulan, buah fikiran, pengetahuan am, tarikh, perkhabaran, dan cita2. Maka tidak sekali-kali kita mencampurkan sebarang perkara dalam hal siasat negeri dan renchana2 yang tiada bersopan.”

Unsur-unsur Pendidikan, Agama, Semangat Kebangsaan dalam Majalah Remaja sebelum Merdeka

Majalah remaja sebelum merdeka sarat dengan unsur-unsur pendidikan, agama dan semangat kebangsaan. Hal ini jelas daripada dasar editorial yang digariskan oleh pengarang majalah-majalah ini. Misalnya yang tergambar daripada catatan pengarang majalah *Pemuda* dan *Belia*.

“Wahai pemuda! Pemuda harapan bangsa! Di tangan kamulah buruk baik nasib bangsa di hari ini dan akan datang, dan berdosalah kamu jikalau kamu chuaikan. Oleh itu marilah, marilah kita berpimpin tangan di samping kaum tua melatih diri bersemangat tanggungjawab dengan hati yang kecil dada yang terdedah tidak mahu undur di dalam segala perjuangan di dalam masyarakat yang dihadapi kerana diri, negeri, bangsa dan agama.” (*Pemuda*, keluaran sulung April 1946).

Belia mengandungi pelbagai jenis tulisan untuk bacaan remaja. Dinyatakan bahawa majalah ini “untuk belia2 dan Melayu peringkat muda mengandungi rencana2 pendidik, cerita pendek, ulasan2 dan fikiran, riwayat hidup, gambar2, tikaman sudut, dan lain-lain.” (*Belia* 1946).

Dengan dasar editorial yang jelas ini, majalah-majalah remaja dan kanak-kanak ketika itu menghindari nilai-nilai asing yang kebanyakannya

dianggap dapat membawa kesan negatif kepada pembacanya yang terdiri daripada pelajar sekolah, remaja dan kanak-kanak. Oleh yang demikian, bahan yang dapat mendidik kanak-kanak amat jelas dalam majalah pelajar yang awal seperti *Taman Kanak-Kanak*. Pengarang majalah ini menyatakan bahawa:

“Adapun *Taman Kanak-Kanak* ini adalah untuk anak2ku melepaskan penat dari lepas belajar sehari2an dan mudah2an dapat anak2ku bermain di taman ini dan mengambil kesukaan kepada apa2 yang disuntingkan di dalamnya. Tujuan majalah ini hanya memberi peluang anak2ku yang telah pandai membaca supaya dapat membaca selain dari buku2 pelajaran yang anak2ku hadapi seharian. Dalam *Taman Kanak-Kanak* antara isinya akan didapati gambar2 foto, gambar2 lukisan dan gambar2 cerita, lukisan dari abang Achnas, peraduan2 untuk merebut hadiah, karangan2 dan cerita2 pendek dari pakchik dan makchik dan lain2 lagi.” (*Taman Kanak-Kanak* 1947).

Hal yang sama terpancar daripada lidah pengarang *Mujalah Murid*, sebuah lagi majalah untuk remaja dan kanak-kanak terbitan 1952. Pengarangnya menyatakan bahawa majalah ini “mengelokkan jalan bahasa Melayu Semenanjung kita selitkan dengan budi perangai dan keagamaan yang diharapkan akan menjadi cermin kehidupan murid2 sekalian.”

Satu lagi majalah remaja yang terbit pada awal abad lalu ialah *Putri Melayu*. Majalah ini juga amat menitikberatkan bahan-bahan tempatan. Ini jelas daripada catatan pengarangnya dan juga jika dilihat pada kandungan pertamanya. Pengarangnya menulis bahawa majalah ini:

“... penuh dengan cerita2 hiburan tetap menghiburkan tuan2 dan majalah ini berharap akan dapat menjadi sebuah taman khas untuk puteri2 Melayu yang belum pernah diadakan di alam persuratan Melayu sebuah taman khas untuk puteri2 Melayu... Puteri Melayu akan mengutamakan kandungan2nya daripada cerita2 pendek yang boleh memimpin pembaca2nya ke arah kesopanan dan kemuliaan serta meninggikan budi pekerti.”

Kandungan pertama majalah ini antara lain ialah “Serikandi tanah air, Maryati ke Melbourne, Ratapan seorang gadis, Pendidikan dewasa gadis, Memilih jodoh, Pelajaran ibu Melayu, dan Kebangkitan puteri.”

Unsur pendidikan juga amat sarat dalam majalah *Penuntut* yang terbit pada tahun 1950. Majalah terbitan Gabungan Penuntut-penuntut Melayu Semenanjung (GPMS) ini mengandungi tulisan berhubung pelajaran, aktiviti pelajar, motivasi, komik, meninjau luar negara, cerita pendek, kupasan dari Mesir, taman puteri, halaman sejarah, ruangan pendidikan, lawak, sumbangan adik-adik, berita-berita GPMS, rencana

fikiran, aneka pengetahuan dan bisikan sukma. Majalah remaja lain yang sarat dengan unsur pendidikan ialah *Belia* (Harmy, 1955 – 1956), *Rumaja* (Geliga Publication Bureau 1954 – 1956), *Siswa* (Pustaka Anbor, 1955 – 1955), *Belia* (Harmy 1955 – 1956), dan *Pelajar* (GPMS 1955 – 1956). Majalah remaja yang bercorak hiburan pula ialah *Dunia Remaja* (Harmy, 1956 – 1957).

Bahan Tempatan dan Unsur Peribumi dalam Majalah Remaja Sebelum Merdeka

Majalah remaja sebelum merdeka sering menampilkan bahan peribumi sebagai hidangan kepada pembaca masing-masing. Salah satu majalah atau komik remaja yang sarat dengan bahan tempatan ini ialah *Majalah Comik Melayu* (1952 – 1953). Majalah terbitan Sabirin Haji Mohd. Ani di Johor Bahru ini memuatkan cerita-cerita komik untuk bacaan remaja dan kanak-kanak. Antara lain majalah ini memuatkan siri komik *Hikayat Hang Tuah*, *Gajah Puteh*, *Mahara Penyamon*, *Memintang Putri Gunong Ledang*, *Malim Deman*, *Yatem*, *Budak Hutan*, *Hidup Sengsara*, *Gembala Lembu*, dan *Kerana Roboh Kota Melaka*. Daripada kandungan majalah tersebut jelas bahawa penerbitnya berpegang kepada konsep dan dasar editorialnya yang terpancar jelas pada judul majalah tersebut. Sungguhpun pada masa itu sudah ada komik-komik Barat yang popular seperti Batman, Spiderman dan lain-lain namun unsur-unsur asing ini tidak dibenarkan masuk ke majalah ini.

Sifat majalah remaja pada masa sebelum merdeka dapat dilihat pada Jadual 1. Kandungan majalah remaja ketika itu amat menitikberatkan isi tempatan atau peribumi, mengekalkan bahasa Melayu yang baik, menonjolkan watak-watak pahlawan dan hero bangsa sendiri, memelihara tatasusila Timur dan Melayu dengan tidak memaparkan gambar yang tidak sopan. Kita dapat melihat kreativiti ketua pengarang dan penulisnya yang dapat menampilkan pelbagai bentuk (genre) penulisan, bermacam topik dan isu yang sesuai dan relevan dengan zaman majalah itu terbit. Kepelbagaian bahan ini menunjukkan keghairahan anak muda membaca apa saja bahan yang disajikan kepada mereka. Semua ini menyumbangkan faktor dari luar dan dalam yang dapat mengekalkan kemandirian majalah ini dalam pasaran.

JADUAL 1 Kandungan Majalah Remaja Sebelum Merdeka

Judul	Antara Judul Rencana dalam Kandungan
<i>Majalah Pemuda</i>	Perempuan dengan Pelajaran; Syair Majalah Pemuda; Percakapan Pak Long, Kehidupan pemuda; dan Kepulihan daripada Kesombongan, dan Tawarikh.
<i>Shorga Dunia</i>	Muda-mudi, Cerita Tentang Kasih-kasih; Cerita Jenaka; Darihal Kasih; Kemajuan Perempuan; Peraduan Berpantun; Bahagian Teka-teki; Bahagian Anak Dara.
<i>Pemuda</i>	Hiburan; Seruan; Halaman Pemuda; Pemuda; Agama; Rencana; Cerita-cerita; Halaman Bahasa Inggeris; Ada-ada Saja; Syair, Pemuda; Marilah Kita Mencangkul; Beranak Tidak Mengandung; Langkah Pemuda Sekarang;
<i>Belia</i>	Pesanan dan nasihat; cerita pendek; Pengetahuan am; Aneka Pengetahuan; Ilmu Alam; Penggeli Hati; Rampaian; Ilmu Kejadian; Sejarah; Pertukangan; Tanam-tanaman; Rumah Tangga; Pesan Datuk Nenek; Hal Ehwal Antarabangsa;
<i>Penuntut</i>	Aktiviti Pelajar; Motivasi; Komik; Meninjau Luar Negara; Cerita Pendek; Kupasan Dari Mesir; Taman Puteri; Halaman Sejarah; Ruangan Pendidikan; Kelawak; Sumbangan Adik-adik;
<i>Rumaja</i>	Surat dari Hati ke Hati; Sahabat; Ruangan Filem; Cerita Pendek, Ulasan Lagu, Dunia Zaman Sekarang; Cerita Terjemahan; Cara Menawan Hati; Jiwa Remaja.
<i>Siswa</i>	Cerita Pendek; Mencari Sahabat; Mari Ketawa; Pengetahuan Am; Agama; Pedoman Bersahabat; Riwayat Hidup; Garuda Putih (kartun oleh Hashim Abdullah).
<i>Dunia Remaja</i>	Mengandungi tulisan berunsur hiburan dan pengetahuan umum untuk bacaan remaja.

Usaha memasukkan bahan-bahan tempatan khususnya yang berkaitan dengan adat resam, budaya Melayu dan tuntutan Islam memang menjadi agenda penerbit majalah remaja sebelum merdeka. Pengarang majalah *Kanak-kanak* (April 1953 – Disember 1953) menegaskan tentang hal ini dalam lidah pengarangnya:

“Mustahak dan menjadi tanggungan kepada kita menerbitkannya oleh sebab majalah2 dan akhbar yang ada itu boleh dikatakan tidaklah memberatkan sangat kepada dasar2 Islam dan didikan rohani Islam.” dan “kerana ditakuti anak2 kita terpengaruh kepada anasir2 yang membelakangkan Islam, maka itulah yang menjadi sebab atau punca yang utama yang mendukung kita menerbitkan majalah ini supaya dapat anak2 kita mengenal apa ertinya Islam, bagaimana akhlak Islam, dan bagaimana kewajipan2 mereka itu mengetahui pelajaran2 moden untuk kemajuan mereka pada masa akan datang, menggalakkan mereka meluaskan pengetahuan yang akan meninggikan kedudukan mereka pada panduan dunia umumnya.”

Bahan Asing dalam Majalah Melayu

Kemasukan bahan dan unsur asing ke dalam majalah dan komik tempatan sudah bermula sejak sebelum merdeka lagi. *Chermin Pengetahuan*, sebuah majalah pengetahuan umum mula terbit pada 1953 memaparkan banyak sekalai bahan luar negeri. Bahkan, halaman kulit keluaran pertamanya memaparkan potret Sir Gerarld Templer, Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu dan bukannya potret pemimpin anak tempatan. Kebanyakan kandungan majalah ini dipetik dan diterjemahkan daripada *Eastern World*, *Tit-Bits*, dan *Every Bodys*. Pengarangnya menyatakan:

“Dengan munculnya majalah ini, maka tempat yang kosong selama hari ini dalam kalangan majalah2 bangsa kita telah terisi. Kebanyakan karangan2 yang terkandung di dalamnya ialah karangan2 yang dipetik daripada majalah Inggeris yang terkemuka. Mengandungi isi yang boleh dijadikan pedoman hidup yang berpengaruh dan memberi hiburan jua kepada pembacanya. Segala isinya sesuai untuk dibaca oleh segala peringkat.”

Pada peringkat ini, pembaca mula menerima isi yang diimport dari luar negara dengan membaca bahan tersebut dalam bahasa Melayu. Kegiatan penterjemahan di negara ini pada masa itu telah berkembang walaupun belum cukup maju. Minat pembaca terhadap berita dan rencana dari luar negara memang tinggi kerana negara sedang bergerak menuju kemerdekaan yang semakin hampir tiba. Lama kelamaan, pembaca bukan sahaja dihidangkan bahan bacaan dari luar negeri. Unsur asing mula tiba dengan banyak dan berani.

Bahan-bahan berupa gambar bogel dan cerita lucu sudah mula menyelinap masuk ke dalam majalah Melayu sejak sebelum merdeka lagi. Bahan-bahan ini mula terbit dalam majalah filem dan hiburan. Sungguhpun bahan-bahan ini tidak terbit khusus dalam majalah remaja, akan tetapi sasarannya tentulah golongan ini, iaitu kumpulan yang besar

jumlahnya dan sedang mula mengenal erti dan keindahan alam remaja dan dewasa.

Menurut Hamed (2002), *Dunia Baharu* adalah majalah Melayu pertama selepas Perang yang berani menyiarkan gambar-gambar perempuan telanjang di samping tulisan-tulisan yang merangsang hawa nafsu. *Mastika* (Julai 1948) yang ketika itu adalah sebuah majalah serius, mengulas bahawa *Dunia Baharu* “seolah2 diusahakan untuk menjadi tandingan kepada majalah2 Barat yang serupa itu, yang menunjukkan gambar2 perempuan bogel, cuma *Dunia Baharu* kurang pada tekniknya, kertasnya tidak yang bagus berkilat dan tidak warna-warni.”

Walau bagaimanapun, pengarang bekerja dalam tekanan bagi mengekalkan survival majalah mereka. Penerbit *Dunia Baharu* mempertahankan dasar mereka dengan menjelaskan,

“Sebenarnya kita sendiri tidak setuju sama sekali akan gambar2 itu disiarkan oleh kerana semata2 menunjukkan kepada bangsa kita akan cara2 setengah daripada gambar2 di dalam majalah2 bangsa Eropah” dan menyeru “kepada seluruh bangsa kita semua berfikir dan menungkan apa yang terjadi pada hari ini di atas bangsa2 Eropah.”

Shorga Dunia, dikritik oleh *Tanah Melayu* kerana menyiarkan bahan-bahan yang tidak sesuai untuk muda-mudi sedangkan dasar editorial *Shorga Dunia* menggariskan sempadan bahan-bahannya sebagai pedoman kepada muda-mudi:

“... di sini penulis hendak siarkan sedikit dari hal kasih-berkasih kepada anak teruna dunia sekarang mudah2an penulis harap boleh menjadi penyuluh pada hari perkasih kelak jangan sampai terceburlah dalam lingkungan keresahan dan kedukaan.” (*Shorga Dunia* Jun 1936).

Para pembaca menyuarakan kekesalan mereka atas sikap majalah dan pengarang yang pada pandangan mereka bahan-bahan yang tersiar boleh membahayakan pembaca muda. Kritik terhadap *Shorga Dunia* yang tersiar dalam *Tanah Melayu* (April 1936) berbunyi:

“kanak2 dan perawan2 tidak dibenarkan membaca akhbar ini kerana sesetengah daripada perkataan2 dan gambar2 yang di dalamnya mendahsyatkan pemandangan dan membangkitkan keinginan hawa nafsu dengan sekejapnya.”

Tanah Melayu (Mei 1936) menyambung kritiknya dengan menyatakan bahawa *Shorga Dunia* “suatu akhbar yang luar biasa dan sengit sekali. Kanak2 dan orang2 perempuan tidak dibenarkan membeli akhbar ini.” Demikianlah kekhuatiran yang diangkat dan dapat dibaca oleh pembaca ketika itu. Semua ini dapat menggambarkan sikap yang

sensitif terhadap kandungan bahan dalam majalah ketika itu. Mahu tidak mahu, para editor dan ketua pengarang mesti mengambil strategi yang sesuai bagi melaksanakan *self censorship* agar majalah masing-masing tidak dipandang rendah oleh masyarakat khususnya para pembaca.

Majalah hiburan paling banyak mengimport unsur asing ke dalam terbitan masing-masing. Bahan-bahan ini berupa berita, gosip dan gambar artis dan filem dari Barat, filem Hindustan dan filem Indonesia. Antara majalah ini termasuklah *Hiboran Film* (1954 – 1956), *Suasana* (1954 – 1955), *Aneka Warna* (1954 – 1959), *Album Asmara* (Geliga Publications 1955 – 1959), dan *Asmara* (1954 – 1960).

Unsur Asing dalam Majalah Remaja Masa Kini

Pada masa ini, unsur asing sudah amat menebal dalam kebanyakan majalah remaja. Terdapat banyak sekali majalah remaja berbahasa Melayu dalam pasaran kita masa kini. Sebahagiannya masih dapat bertahan dengan bahan-bahan tempatan dan dapat pula mengawal kandungannya daripada unsur-unsur budaya asing. Sebahagiannya memasukkan sedikit sebanyak bahan-bahan asing kerana tuntutan pasaran iaitu mereka cuba bertolak ansur dalam memenuhi kehendak pembaca. Sebahagian yang lain menerbitkan sepenuhnya bahan yang berunsurkan budaya asing dalam majalah masing-masing.

Pada sebahagian daripada majalah-majalah ini, daripada judulnya sahaja kita sudah dapat tercium bau unsur asing ini. Antara majalah remaja yang menggunakan judul daripada kalimat asing adalah *Mangga*, *Utopia*, *Blues Selamanya*, *Revolution* dan *Hype*.

Namun demikian, ada juga majalah yang cuma memakai nama atau judulnya daripada kalimat asing. Misalnya, *Mangga* iaitu kalimat Jepun yang bermaksud komik. Namun, majalah ini sebahagian besar kandungannya adalah berita, gosip dan kegiatan artis tempatan.

JADUAL 2 Kandungan Majalah Remaja Masa Kini

Judul	Antara Judul/Kandungan Rencana Bahan Asing
<i>Mangga</i>	Majoriti adalah bahan tempatan tentang dunia hiburan tempatan, dan gambar artis. Unsur asing adalah tentang gaya dan cara hidup artis tempatan yang kebanyakannya meniru gaya kehidupan artis Barat terutamanya dalam hal berpakaian.
<i>URTV</i>	– sama di atas –
<i>Media Hiburan</i>	– sama di atas –
<i>Hai</i>	– sama di atas –

<i>i Remaja</i>	Mengandung pelbagai bahan yang baik untuk tatapan remaja. Bentuk bahan asing terutama yang bersifat negatif adalah minimum.
<i>Remaja</i>	Mengandung pelbagai bahan yang baik untuk tatapan remaja. Bentuk bahan asing terutama yang bersifat negatif adalah minimum. Bagaimanapun, aksi dan gaya yang dibawa oleh model adalah agak berlebihan dan ada kalanya kurang sopan.
<i>Utopia</i> (15 Julai 2004)	Starbrite: Rebecca Romijn Mendaki Populariti; Will Smith Bukan Stakat Kelaka; ATL Bikin Projek; Keira Knightley Si Jelita yang Berani; Jada Kiss Belajar dari Kesilapan; Oliver Owen Gagah Lagi Memikat; Kenali Awak American Idol Kimberly Locke; Manisnya Bridget Moynathan!; Seksi Sepanjang Zaman – Marilyn Monroe, Ava Gardner, Raquel Welch, Sophia Loren, Jayne Mansfield; Interbiu: Radiohead Tetap No. 1; Body Guard.Com (komik); Serigala Jadian (komik); The Fishes (komik); Asiatopia: Iron Bamboo Berbakat Besar; Asiatopia: Rahsia Harisu Terbongkar, Asiatopia: Selebriti Jepun yang Kaya, Asiatopia: CB Mass Kini Berdua, Asiatopia: Yuni Shara Luahkan Isi Hati Gambar dan Ilustrasi: Majalah ini banyak sekali memuatkan bahan asing termasuk gambar artis dengan aksi di Barat.
<i>Blues</i>	X-Gen II (komik); Air Mata Fia Ezira; X-Gen Capsule; Blues Untuk Aku; Couple Blues; Ini Ada Satu Cerita; Hello Bebeh!; Cool Bebeh!; Renungan Dalam Blues; Blues Jiwang Karat; Wahai Hatiku...; Geng Blues; Aku Tak Percaya; Aku Tergoda Terkecewa; Bersama Selamanya; Blues 12 Tengah Wajah-wajah Kekasih: Sebuah Teater Kehidupan; Cerpen Blues; Enigma; When Love & Death Embraced; Memburu Mimpi; Dendam; If I Could Turn Back the Time – Sesuatu untukmu Nile-Chem; Cinta atau Simpati; Nemesis (komik); Diary Seorang Play Girl; Muramasa (komik).
<i>Hype</i> (15 Ogos 2004)	Will Smith (rencana kulit); Britney Si Meow Meow; K-Buzz: Muncul Orang Istimewa di Saat Luka... (komik Korea); Album2 Terbaru Gasoo!; K-Star (Bintang filem Korea); J-Star (Bintang Filem Jepun); J-Buzz; Awak2 Cun Hollywood Ditinggalkan; Hotties: Creed, Pergi Dengan Tangan Terbuka; Hots: Double Olsen: Double Kaya, Double Masalah; Triple Yeah yang Yeah! Ganaskah Beastie Boys; Brad Pitt Suka Main Make-UP?; Bruce Willis & Harapan Berambut! Britney Kahwin Lagi? DMX Kena Tangkap! 3 Permata Dari Ireland; Api2 Hadiah Bellefire; The Terminal: Hidup Kelapangan; Hidangan Ular Berorkid; Collateral: Kisah Pembunuh & Pemandu; The Village: Mitos Sebuah Kampung Ocean's Twelve: Belakang Tabir; Arnold Kembali Menjadi Conan? Prequel Untouchables Confirm! Ioan Gruffudd Dalam Fantastic; House of Wax Hangus? Agama Ganjil Hollywood. Gambar dan Ilustrasi: Majalah ini banyak sekali memuatkan bahan asing termasuk gambar artis dengan aksi di Barat, Korea dan Jepun.
	Peraduan TeKa Skateboard Part 3; Revelation in Genting; Ali Boulala: Drunked Swedish Bast**d!; Andalas Demo 2003 Dijangkakan Panas Sepanjang Hari

Daripada kandungan majalah remaja masa kini yang dikaji dapatlah disenaraikan beberapa bentuk budaya asing yang dapat dikesan menular dalam kebanyakan majalah tersebut:

Bahasa

Bangsa kita terkenal dengan budi bahasa yang sopan dan lemah lembut. Namun ciri ini semakin terhakis pada kebanyakan majalah remaja kita masa kini. Kecenderungan majalah remaja menggunakan bahasa rojak iaitu campuran bahasa Melayu dan Inggeris dan disulam pula dengan bahasa pasar, bahasa kasar dan bahasa yang mencarut.

Budaya Hidup Asing

Sebahagian majalah remaja berbahasa Melayu masa kini memberikan paparan yang terlalu banyak tentang kehidupan artis Barat yang liar, tidak beragama, dan rendah pula moralnya. Ini termasuklah gaya hidup dalam hal perkahwinan. Artis yang menjadi idola remaja sering kali ditonjolkan dalam majalah adalah dari kalangan artis Barat yang bersekedudukan tanpa ikatan perkahwinan tetapi mempunyai anak luar nikah; penzina; kaki perempuan; kaki judi; peminum, pemabuk dan penagih dadah.

Sebahagian cara hidup ini ditiru pula oleh artis tempatan dan sudah tidak jauh bezanya dengan kehidupan artis Barat dan inilah yang ditonjolkan dalam sebahagian majalah remaja masa kini.

Sifat Materialistik juga ditanam dalam kehidupan remaja dengan budaya hidup berpesta dan melalaikan, berpakaian berjenama dan mahal. Majalah remaja tempatan juga gemar menggunakan dan menonjolkan watak asing dalam majalah mereka. Watak-watak itu sama ada yang hidup dan benar dan ada pula watak rekaan yang dihidupkan dalam komik bersiri, cerita pendek dan sebagainya.

Selain majalah remaja tempatan yang dibincangkan di atas, terdapat banyak juga majalah remaja versi bahasa Melayu yang dialihbahasakan daripada bahasa asing, misalnya *Doraemon* dan *Kreko*. Majalah-majalah ini seratus peratus membawa unsur asing ke dalam pembacaan remaja kita.

Iklan dalam Majalah Remaja

Satu aspek yang penting dalam penerbitan majalah ialah periklanan. Kebanyakan majalah popular amat bergantung kepada jumlah iklan yang banyak disiarkan. Majalah remaja juga tidak terlepas daripada menyiarkan sebanyak mungkin iklan dalam setiap keluaran. Pengiklan biasanya memuatkan iklan dalam majalah yang mempunyai jumlah pembaca yang ramai. Remaja adalah golongan masyarakat yang besar pecahannya dalam negara ini.

Iklan menjadi satu lagi bentuk pengaliran budaya asing ke dalam bahan bacaan remaja. Selain menjadikan remaja kita semakin bersifat materialistik, terdapat iklan yang memaparkan aksi, kebudayaan dan cara hidup yang tidak sesuai dengan masyarakat kita.

Pada prinsipnya, terdapat pelbagai pengawalan dari pihak berkuasa dalam hal periklanan di majalah. Setiap penerbit majalah mesti mematuhi Garis Panduan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KDN) kepada Akhbar, Ordinan (Iklan dan Penjualan) Ubatan 1956, Ordinan Iklan-iklan Lucah, Akta Perihal Dagangan 1972 (Disemak 1982), Kod Periklanan bagi Televisyen dan Radio dan Kod Periklanan Antarabangsa (Siti Maryam 2003).

Garis Panduan KDN kepada Akhbar melarang penyiaran gambar dan iklan antaranya gambar lelaki atau wanita berbogel, lelaki memakai seluar dalam sahaja atau wanita yang memakai seluar dalam dan coli sahaja, gambar-gambar yang menunjukkan buah dada atau memakai baju tetapi sebahagian buah dadanya terdedah, gambar wanita berpakaian jarang atau diperbuat daripada kain les dan bahagian-bahagian tertentu masih jelas kelihatan, iklan-iklan oleh kelab malam yang menunjukkan artis dalam keadaan separuh bogel atau lucah, gambar wanita yang bogel tetapi dihitamkan pada bahagian-bahagian tertentu tetapi masih mengghairahkan dan pelbagai lagi.

Kod etika ini memang amat baik kerana dibayangi kebudayaan dan tatasusila masyarakat sekeliling kita yang masih berpegang pada budaya Timur yang lembut dan mementingkan budi bahasa. Namun demikian, hasil kajian ini mendapati, boleh dikatakan hampir kesemua peraturan dan larangan yang digariskan oleh kod etika itu seolah-olah tidak dilaksanakan oleh kebanyakan majalah remaja. Apakah terdapat tafsiran yang longgar dan sederhana terhadap semua peraturan dan larangan tersebut? Atau, apakah terdapat kelemahan dalam pelaksanaan dan penguatkuasaannya?

Rumusan

Unsur asing adalah suatu fenomena dalam kehidupan hari ini. Dalam hal permajalahan Melayu, khususnya majalah dan komik remaja, unsur asing muncul pada nama majalah, judul halaman dan ruangan, judul dan subjudul rencana, laras bahasa, pilihan kata, watak – meliputi nama, gaya berpakaian dan bahasa tubuh. Kandungan sebahagian besar majalah remaja masa kini adalah hiburan. Oleh itu, paparan utama adalah gambar – gambar gaya artis, potret dan poster artis, pakaian artis, potongan

dan warna rambut artis, konsert, perkahwinan dan parti hari jadi artis. Gambar-gambar artis ini sebahagian besarnya tidak sopan, menjolok mata dan ada yang boleh dianggap lucu. Hal ini lebih ketara pada gambar foto artis Barat dan Bollywood.

“Bahasa dan bangsa itu tiada dijual dan dibeli” demikian pesanan orang tua-tua kita. Maka hendaklah kita menjaga budi bahasa kerana “bahasa menunjukkan bangsa”. Akan tetapi, demikianlah pula malangnya nasib bangsa kita, kerana golongan remaja kini dihidangkan dengan pelbagai majalah yang amat rendah dan kasar pula mutu bahasanya.

Rujukan

- Ahmat Adam. 1992. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- David Jary dan Julia Jary. 1995. *Collins Dictionary of Sociology*. Second Edition. Glasgow: Harper Collins.
- Government Gazettes dlm. *Kekal Abadi* 4 (4).
- Hamed Mohd. Adnan. 2002. *Direktori Majalah-majalah Melayu Sebelum Merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Harun Din. 1959. The Contents of *Mastika* (A leading Malay Monthly Magazine) from 1946-1956. Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. 1988. *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu, 1807-1960*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sarim Mustajab *et al.* 1988. *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Ahmad Nik Hassan. 1963. The Malay Press. *JMBRAS* 36(1).
- Roff, William R. 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941*. London: Oxford University Press.
- Roosfa Hashim. 2003. Penerbitan Majalah Ekonomi Melayu, 1917-2000. Kertas Kerja dibentangkan di Simposium Dunia Permajalahan Melayu 2003 di Dewan Bahasa dan Pustaka, 12-13 Ogos.
- Siti Maryam Ibrahim. 2003. Peraturan dan Etika Iklan dalam Penerbitan Majalah. Kertas Kerja di Simposium Dunia Permajalahan Melayu 2003, 12-13 Ogos, di Dewan Bahasa dan Pustaka.